

13 SEP 2003

HICOMOBIL-JUALAN/I

HICOMOBIL UNJUR JUALAN KERETA AKAN MENINGKAT

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Hicomobil Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh DRB-Hicom dan pengedar kenderaan Chevrolet di Malaysia, menjangkakan jualan kereta negara bertambah baik berikutan pengumuman Bajet 2004 semalam.

Jualan kereta susut setelah bakal pembeli kereta menjangkakan harga akan lebih rendah dengan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Asean (AFTA).

Di bawah AFTA, duti import bagi unit terurai (CKD) yang berasal dari Asean akan dikurangkan daripada paras semasa sebanyak 42 peratus kepada 20 peratus pada Januari 2005 dan kepada lima peratus pada 2008.

Semalam, semasa membentangkan Bajet 2004, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata duti eksais akan dikenakan terhadap kereta-kereta import apabila duti import dikurangkan mulai 1 Jan 2004.

Beliau juga menggalakkan pengguna Malaysia untuk membeli kereta "sekarang" untuk mengambil kesempatan langkah kereta kereta asing untuk mengurangkan harga dalam bulan-bulan kebelakangan ini dengan purata sebanyak 13 peratus bagi bersaing dalam pasaran tepu.

Daripada kenyataan Dr Mahathir itu, pengarah kumpulan (perkhidmatan) DRB-Hicom Bhd, Datuk Rashid Rahim, berkata syarikat yakin pembeli yang sebelum ini sangsi untuk membeli kereta sehingga mereka mendapat gambaran yang jelas mengenai harga kereta dengan AFTA, akan mengubah fikiran mereka.

Bercakap pada sidang media di luar Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2003 (KLIMS '03) sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, beliau berkata Hicomobil menjangka menjual 2,500 hingga 3,000 unit Chevrolet tahun ini.

Rashid berkata dengan hanya 10 hari selepas pelancaran kenderaan Chevrolet di negara, syarikat mendapat lebih 1,000 pesanan bagi empat model berharga antara RM65,000 dan RM205,000.

Model penjualan terbaik ialah 1.5 liter hatchback Aveo dan the 1.6 liter sedan Optra. Aveo menguasai 60 peratus tempahan manakala Optra, 25 peratus.

Beliau berkata Hicomobil juga menerima banyak tempahan bagi dua model lain, kenderaan pelbagai guna Nabira dan sedan, Lumina.

Bagaimanapun, Lumina akan diperoleh di sini bulan depan berikutan perubahan modal baru-baru ini di Australia disebabkan keperluan memenuhi standard emisi Euro II yang ketat. Sehingga kini, syarikat telah menerima 10 tempahan bagi Lumina.

Mengenai penghantaran, beliau berkata Chevrolet pertama dijangka berada di jalan Malaysia Isnin depan.

Pada masa ini, Hicomobil menyediakan stok sebanyak 660 unit Chevrolets manakala kumpulan kedua sebanyak 900 lebih unit dijadualkan tiba minggu depan.

Dalam perkembangan lain, Rashid berkata Hicomobil mensasarkan untuk meningkatkan pengedarannya seluruh negara kepada 40 menjelang akhir 2003 daripada semasa 15. Pada masa ini ia mempunyai 46 pusat perkhidmatan, --

BERNAMA

MAD TJK NHD